

SSM: 1029068-P | KPL: 7168



KembaraSufi
Travel & Tours Sdn Bhd

Beauty

8 HARI 5 MALAM

JAPAN

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD

TOKYO | OSAKA | FUJI | KYOTO | NARA

PAKEJ BEAUTY JAPAN 8 HARI 5 MALAM

TOKYO | OSAKA | FUJI | KYOTO | NARA

HARI 1 : MALAYSIA

Berkumpul di KLIA2 dan berlepas ke Osaka

HARI 2 : KYOTO TOUR

Ketibaan di Osaka Airport (KIX) dan disambut oleh pemandu berbangsa Jepun yang ramah. Meet & greet Tour Guide. Menaiki bas terus ke Kyoto. Kita akan ke Kiyomizudera iaitu kawasan Jepun tradisional yang terkenal dengan deretan rumah kedai dan jalan tradisional. Berjalan kaki hingga ke kawasan Ninenzaka, terletaknya menari Hokanji di mana boleh bergambar di lorong ikonik berlatarkan menara Hokanji.

Seterusnya kita akan ke kawasan Kyoto, yang terkenal dengan shopping street dan terdapat banyak makanan halal. Bergerak ke Kyoto Islamic Center untuk solat Zohor dan makan tengah hari di restoran halal. Seterusnya kita akan terus ke kawasan Arashiyama. Kita akan melawat sekitar Kawasan Jambatan Togetsukyo. Anda diberikan masa untuk bergambar dan membeli belah, juga boleh menaiki kereta tarik yang ditarik oleh pemuda Jepun gagah, yang merupakan antara kenderaan para bangsawan Jepun suatu ketika dulu.

Setelah itu, kita akan berjalan kaki santai, menyusuri hutan buluh Arashiyama yang cantik. Hutan buluh ini terletak berdekatan kompleks Tenryuji Temple dan merupakan warisan negara Jepun. Kemudian, kita akan ke Osaka untuk check in penginapan dan berehat.

Penginapan: Osaka
Pengangkutan: Private Transport
Solat Zohor Asar: Kyoto
Makanan: Makan Malam

HARI 3 : NARA TOUR

Sarapan pagi dan lawatan diteruskan dengan menaiki train terus ke Nara. Nara adalah bandar yang terkenal dengan rusa jinak yang berkeliaran seperti kucing di merata tempat. Anda berpeluang untuk bermain dengan rusa jinak dengan cara memberi makanan dan juga berselfie. Juga boleh santai melihat pemandangan taman sambil makan aiskrim perisa macha tea (own expenses), juga beli belah ole-ole.

Seterusnya kita ke restoran halal untuk makan tengah hari dan solat. Lawatan diteruskan ke kawasan Namba, yang terkenal dengan shopping street dan terdapat banyak makanan halal. Jangan terlepas peluang mencuba takoyaki asli Jepun di sana. Anda akan diberikan masa bebas untuk bergambar di Kawasan Dotonbori dan membeli belah di sana.

Penginapan: Osaka
Pengangkutan: Keretapi/Metro
Solat Zohor Asar: Osaka
Makanan: Sarapan, Makan Malam



HARI 4 : OSAKA TOUR.

Sarapan pagi dan check out.

Note: Bagasi akan dipos terus ke hotel di Tokyo (kos pos berbeza mengikut saiz dan berat beg, dibayar oleh peserta). Bagasi akan diterima semula pada keesokan malam di Tokyo.

Lawatan diteruskan ke Osaka Bay, di mana kita akan menaiki Tempozan Ferris Wheel yang merupakan ferris wheel tertinggi di dunia. Dengan ketinggian 112 meter, anda boleh menikmati pemandangan seluruh bandar Osaka ketika berada 17 minit di dalamnya. Kemudian kita akan menaiki Santa Maria Cruise, di mana anda akan dibawa menaiki kapal cruise bercirikan kapal Santa Maria yang dinaiki Christopher Columbus semasa merentasi Lautan Atlantik pada tahun 1492. Anda akan dibawa meneroka Telok Osaka selama 30 minit.

Kita akan berhenti solat dan makan tengah hari di Tempozan Mall. Setelah itu kita ke Osaka, menuju ke Osaka Castle. Istana ini adalah binaan semula di tapak asal Istana Osaka yang pernah musnah suatu ketika dulu, kini menjadi antara ikon dan mercu tanda bandar Osaka. Santai di kawasan istana, sesiapa yang larat boleh berjalan hingga ke istana dan masuk ke dalamnya

Kembali ke hotel, malam free easy. Dinasihatkan untuk tidur awal kerana kita akan check out awal esok pagi untuk bergerak ke Fuji.

Penginapan : Osaka

Pengangkutan : Keretapi/Metro

Solat Zohor Asar : Tempozan Mall

Makanan: Sarapan, Makan Malam



HARI 5: FUJI TOUR, BULLET TRAIN EXPERIENCE

Kita akan check out awal, dan menuju ke Fuji. Kita akan merasai salah satu perkara wajib bila berada di Jepun iaitu menaiki bullet train berkelajuan 350km per jam dari Kyoto hingga ke Shin Fuji. Perjalanan akan memakan masa 2 jam setengah, anda boleh berehat sambil menikmati pemandangan sepanjang perjalanan. Jangan lepaskan peluang melihat pemandangan Fuji dengan mata anda buat pertama kali semasa hampir tiba di Shin Fuji.

Sampai Shin Fuji, kita akan ke Iyashi No Sato, yang merupakan perkampungan lama Jepun dengan Singgah di Masjid Kawaguchi untuk solat. Seterusnya akan ke Gotemba Premium Outlet untuk membeli belah. Jom beli belah barangan berjenama sambil menikmati pemandangan Mt Fuji. Seterusnya, kita terus menuju ke Tokyo. Sampai hotel, check in dan berehat. rumah tradisional beratap Jerami berlatarkan Gunung Fuji. Boleh bergambar dan makan tengah hari di gerai halal sekitar sana. Kemudian kita akan santai menikmati pemandangan Jepun dengan imej cermin Tasik Kawaguchi di Oishi Park.

Penginapan : Tokyo

Pengangkutan : Private bus

Solat Zohor Asar : Masjid Kawaguchiko

Makanan: Sarapan, Makan Malam



HARI 6 : FREE AND EASY DI TOKYO

Sarapan pagi dan pada hari ini, peserta diberikan sehari free easy untuk ke tempat yang disukai. Kos pengangkutan dan tiket masuk (jika ada) adalah di bawah tanggungan peserta sendiri. Berikut antara 3 pilihan yang diberikan:

Disneyland/Disneysea: Tour Leader akan menghantar peserta seawal jam 7.00 pagi kerana Disneyland akan dibuka jam 8.00 pagi. Peserta akan dijemput pulang selepas jam 7.00 malam, bergantung persetujuan bersama Tour Leader.

Odaiba Tour: Tour ke pulau buatan yang mempunyai pelbagai tarikan. Antaranya Statue of Liberty versi Jepun, Rainbow Bridge, Deck Mall, Aqua City Mall, Gundam Statue dan Divercity Tokyo Plaza. Tour ini akan dibimbing oleh Tour Leader.

Gala Yuzawa Ski Resort (winter sahaja): Perjalanan ke Gala Yuzawa perlu menaiki bullet train. Bullet train akan berhenti betul-betul di stesen gondola ski resort, dan anda akan dibawa menaiki gondola ke atas kawasan bersalji. Anda bebas untuk bermain salji. Jangan lupa untuk memakai pakaian dan kasut yang sesuai untuk salji. Tour leader tidak akan bersama peserta, tetapi peserta akan diberikan maklumat lengkap berkenaan bagaimana untuk ke sana, termasuk pembelian tiket train.

Penginapan : Tokyo
Pengangkutan : Train
Solat Zohor Asar : Tempat Masing-Masing



HARI 7 : TOKYO TOUR

Sarapan pagi dan check out dan pastikan tiada barang tertinggal di bilik. Peserta akan terus ke Asakusa iaitu bandar warisan dan pernah menjadi bandar utama semasa pemerintahan zaman Edo dahulu. Tarikan utama adalah gerbang Kaminarimon bersama tanglung besarnya. Kemudian boleh membeli belah di Nakamise Street iaitu tempat membeli belah souvenir yang menarik. Dari Asakusa ini akan kelihatan jelas menara telekomunikasi tertinggi di dunia iaitu Tokyo Skytree, dan akan boleh bergambar berlatarkan bangunan itu.

Kemudian kita akan ke Ueno, kawasan yang terkenal dengan flea market. Boleh singgah ke Hard Rock Café Ueno-Eki untuk peminat HRC, juga membeli belah di Ameyoko Street. Kita akan makan tengah hari di sini, juga solat di Masjid Ueno Okachimachi. Setelah itu, kita ke Akihabara yang terkenal dengan bandar gadget. Segala teknologi dan gadget terkini terdapat di sini. Selepas itu, kita akan terus bergerak ke Haneda International Airport bagi urusan check in untuk urusan pulang ke Malaysia. Tiba di Haneda International Airport, tour guide akan membantu bagi urusan check-in di Airport. Berlepas dari Haneda International Airport.

Pengangkutan : Bas
Solat Zohor Asar: Masjid Ueno Okachimachi
Makanan: Sarapan



HARI 8 : TIBA DI KLIA MALAYSIA

***Jadual tertakluk kepada perubahan



Makluman:

1. Itinerary boleh berubah bergantung pada keadaan seperti cuaca dan traffic congestion.

2. Harga pakej, jadual lawatan yang dinyatakan adalah mengikut perubahan semasa seperti jadual Penerbangan (In/Out), Masa Penerbangan, Harga Penerbangan, Pertukaran matawang, keselamatan negara dilawati dan perubahan Cuaca

PAKEJ TERMASUK



- Tiket penerbangan antarabangsa
- Bagasi 20 KG pergi - balik seorang
- Makanan seperti di dalam jadual perjalanan
- Tiket tempat lawatan (seperti yang dinyatakan)
- Pengangkutan (Sepanjang trip)
- Penginapan (Bertaraf 3 Bintang & setaraf)
- Pemandu pelancong

PAKEJ TIDAK TERMASUK



- Insurans Perjalanan (optional): RM100/pax
- Tipping: RM250/pax
- Meal in flight: RM60/2 way
- Pos Bagasi Osaka to Tokyo (2000-4000 Yen)
- Odaiba Train: RM75/pax (2500 Yen)
- Gala Yuzawa Train & Gondola: RM450/pax (14,200 Yen)
- Surcharge cuti sekolah & Peak Season: RM250/pax
- Lain-lain yang tidak dinyatakan


MAKLUMAT HARGA

TIPPING | SURCHARGE

TIPPING	Surcharge (harga berubah mengikut Situasi/Musim)
RM250	RM250

OPTIONAL ACTIVITY

- Disneyland/Disneysea
- Odaiba Tour
- Gala Yuzawa Ski Resort
(Winter season sahaja)



INFO PENTING:

Harga pakej tertakluk kepada perubahan kadar mata wang atau caj musim puncak, dan pihak KSTTSB akan memaklumkan sebarang perubahan terlebih dahulu.

Pasport yang sah dan tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh penerbangan.

Peserta dinasihatkan untuk membuat semakan status senarai hitam (blacklist) ke luar negara terlebih dahulu sebelum berlepas.

Pihak KSTTSB tidak akan bertanggungjawab terhadap isu senarai hitam peserta, dan sebarang pembayaran yang telah dibuat tidak akan dipulangkan sekiranya perkara ini berlaku.

POLISI BAYARAN:

- Minimum Deposit RM1000.00 seorang
- Bayaran penuh untuk tiket pesawat antarabangsa/domestik diperlukan semasa proses tempahan sekiranya melibatkan tempahan tiket penerbangan.
- Kami tidak bertanggungjawab atas kenaikan harga disebabkan kelewatan anda membayar pakej.

TEMPOH BAYARAN

90 HARI – 70%
60 HARI – 90%
45 HARI – 100%

Tiada Pemulangan deposit akan dibuat sekiranya peserta membatalkan pakej yang telah diambil. Akan tetapi peserta boleh memilih salah satu dari pilihan iaitu menukar dengan peserta lain (hanya apabila tiket penerbangan)

Sebelum membuat tempahan sila lihat “terma dan syarat” yang telah disediakan



www.kembarasufi.com/terma

Sila baca, fahami dan mengisi maklumat di bawah laman web di link Terma & Syarat yang telah disediakan terlebih dahulu. sebelum membuat sebarang tempahan atau bayaran deposit.

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD



Maybank
5621-0663-0695

Slip pembayaran perlu dihantar ke email / whatsapp selepas selesai bayaran dibuat.

PERHATIAN :

Sila e-mel atau WhatsApp resit bukti pembayaran yang telah dicatat dengan nama, tarikh trip, dan nombor kad pengenalan anda, berserta salinan pasport yang jelas kepada pihak kami untuk tujuan pengeluaran resit rasmi KSTTSB.

Dengan membuat tempahan dan bayaran deposit, anda dianggap bersetuju serta terikat sepenuhnya dengan semua terma dan syarat yang ditetapkan.



KembaraSufi
Travel & Tours Sdn Bhd
SSM: 1029068-P | KPL: 7168

"PENERAJU PAKEJ PERCUTIAN TERMURAH DI MALAYSIA"